

26 SEP, 2023

Ambil peluang lunas cukai tanpa dikenakan penalti

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Ambil peluang lunas cukai tanpa dikenakan penalti

PKPS 2.0 ditawarkan kepada semua pembayar cukai, kecuali kategori fail majikan

Oleh Zanariah Abd Mutualib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembayar cukai baharu dan sedia ada digesa merabut peluang melaporkan pendapatan mereka yang sepatutnya secara sukarela, tanpa dikenakan sebarang penalti, melalui Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 yang kini sedang berjalan sehingga 31 Mei 2024.

PKPS 2.0 yang bermula sejak 6 Jun lalu, ditawarkan kepada semua pembayar cukai, kecuali kategori fail majikan.

Golongan pembayar cukai yang layak ialah mereka yang mempunyai pendapatan yang tidak pernah dilaporkan atau kurang dilaporkan, perbelanjaan atau tuntutan terlebih tuntut atau tidak dibenarkan, pelepasan/potongan atau rebat terlebih tuntut dan eluan modal/insentif terlebih tuntut.

"Program ini juga boleh disertai oleh mereka yang ingin melaporkan pelupusan aset dan membuat penyetematan dokumen atau perjanjian yang tidak disetem dalam tempoh dibenarkan."

"PKPS 2.0 turut memfokuskan pernyataan pembayar cukai baharu, selaras dengan pelaksanaan Nombor Pengenal Cukai (TIN) mulai 2023, yang mana seramai 7.8 juta individu warganegara dan pemastautin tetap diberikan TIN secara automatik," katanya.

Memperincikan PKPS 2.0, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) berkata, taksiran ke atas pembayar cukai baharu yang sudah memulakan perniagaan atau mempunyai pendapatan dibuat bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.

Taksiran ke atas pembayar cukai sedia ada pula adalah bagi mereka yang pernah melaporkan pendapatan kepada HASIL tetapi terdapat Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) tidak dikemukakan bagi Tahun Taksiran mulai tahun 2021 dan

ke belakang.

Mereka yang pernah melaporkan dan mempunyai pendapatan tambahan yang tidak dilaporkan pula ditaksir bagi tahun 2021 dan ke belakang.

"Pengakuan juga boleh dibuat oleh mereka yang tidak melaporkan pelupusan aset bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang. Bagi pembayar duti, PKPS 2.0 boleh disertai jika mereka mengemukakan dokumen atau perjanjian yang ditandatangani pada atau sebelum 1 Mei 2023 dan masih belum disetemkan," katanya.

"Pembayar cukai juga akan menikmati tarawan penalti pada kadar kosong peratus bagi pendapatan yang dilaporkan menerusi program ini.

"Bagi duti setem pula, tawaran pengecualian pengenaan penalti diberikan sepenuhnya ke atas mana-mana dokumen atau perjanjian yang ditandatangani pada atau sebelum 1 Mei 2023 dan masih belum disetemkan," katanya.

HASIL berkata, pengakuan sukarela berkenaan boleh dibuat di laman web mytax.hasil.gov.my menggunakan BNCP bagi tahun taksiran yang terbit, manakala BNCP yang tidak boleh diakses perlu dikemukakan secara manual ke pejabat HASIL yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke pejabat HASIL berhampiran.

BNCP manual, termasuk Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan boleh di-

dalam tempoh masa ditetapkan.

"Pembayar cukai juga akan menikmati tarawan penalti pada kadar kosong peratus bagi pendapatan yang dilaporkan menerusi program ini.

"Bagi duti setem pula, tawaran pengecualian pengenaan penalti diberikan sepenuhnya ke atas mana-mana dokumen atau perjanjian yang ditandatangani pada atau sebelum 1 Mei 2023 dan masih belum disetemkan," katanya.

HASIL berkata, pengakuan sukarela berkenaan boleh dibuat di laman web mytax.hasil.gov.my menggunakan BNCP bagi tahun taksiran yang terbit, manakala BNCP yang tidak boleh diakses perlu dikemukakan secara manual ke pejabat HASIL yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke pejabat HASIL berhampiran.

BNCP manual, termasuk Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan boleh di-



muat turun dan dicetak dari portal rasmi HASIL dan bagi pembayar duti, dokumen/ perjanjian perlu dikemukakan melalui Sistem Taksiran Dan Pembayaran Duti Setem (STAMPS) untuk proses penyetem.

Proses 14 hari bekerja

"Permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat kelayakan akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan.

"Bagaimanapun, 30 hari bekerja diambil bagi memproses per-

mohonan membabitkan isu haraga pindahan. Surat penyelesaian akan dikeluarkan bersama-sama notis taksiran/taksiran tambahan bagi pengakuan yang memenuhi syarat ditetapkan," katanya.

Bagi urusan bayaran cukai, HASIL berkata, ia boleh dibuat sekali gus dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis atau secara ansuran sehingga 31 Mei 2024, berdasarkan aturan bayaran ansuran yang dipersejui tanpa mengemukakan dokumen sokongan.

"Permohonan aturan bayaran ansuran perlu dikemukakan melalui Pautan PKPS 2.0 di portal rasmi HASIL atau MyTax menggunakan Borang Permohonan Bayaran Ansuran PKPS 2.0.

"Tindakan undang-undang dan audit boleh diambil pada masa hadapan jika tunggakan cukai tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan. Jadi, kita mohon bayaran ansuran dari sekarang bagi mengurangkan komitmen bulanan," katanya.

HASIL turut menjelaskan, pendapatan diperoleh atau terbit dari Malaysia, walaupun disimpan dalam akaun bank di luar negara masih tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia.

Jika pendapatan itu belum dilaporkan, ia mestilah dilaporkan menerusi PKPS 2.0 berdasarkan tahun taksiran ia diperoleh dan tertakluk kepada syarat ditetapkan.

"Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin juga tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia mulai 1 Januari 2022.

"Bagaimanapun, terdapat pengecualian cukai diberikan berhubung pendapatan berkenaan, yang tertakluk kepada syarat tertentu," katanya.


Rebut tawaran lunas cukai tanpa penalti. Sertai PKPS 2.0 sekarang sehingga 31 Mei 2024 menerusi Portal MyTax di mytax.hasil.gov.my atau melalui pautan PKPS 2.0 di www.hasil.gov.my.

Tak ambil tindakan audit

Dalam usaha memberi lebih galakan kepada pembayar cukai, HASIL tidak akan mengambil tindakan audit atau siasatan pada masa akan datang bagi mereka yang melaporkan pendapatan tanpa secara sukarela.

Tindakan itu hanya akan diambil bagi tahun taksiran yang terbit jika pembayar cukai itu gagal melunaskan bayaran cukai





26 SEP, 2023

Ambil peluang lunas cukai tanpa dikenakan penalti

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PKPS 2.0 ditawarkan kepada semua pembayar cukai, kecuali kategori fail majikan

Kuala Lumpur: Pembayar cukai baharu dan sedia ada digesa merebut peluang melaporkan pendapatan mereka yang sepatutnya secara sukarela, tanpa dikenakan sebarang penalti, melalui Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 yang kini sedang berjalan sehingga 31 Mei 2024. PKPS 2.0 yang bermula sejak 6 Jun lalu, ditawarkan kepada semua pembayar cukai, kecuali bagi kategori fail majikan.